

RESEARCH ARTICLE

KONSEP KENDIRI SEBAGAI MEDIATOR DALAM HUBUNGAN ANTARA FAKTOR SEKOLAH DENGAN TINGKAH LAKU PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR

(Self-Concept as a Mediator in the Relationship between School Factors and Behavior of Secondary School Students in Selangor)

Sabarnur Abd Radzak^{1*}, Amna Md Noor¹, Azlina Mohd Khir¹, Muhd. Dhamir Audi Azizul²

¹Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

²Center for English Language and General Studies, Lincoln University College, 47301, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

ABSTRACT - Referring to the educational environment nowadays, social problems among students is one of the increasingly significant disciplinary problems. The element of self-concept should be understood more deeply to prevent this problem from spreading in the future. The aim of the present research is to determine self-concept as a mediator on the relationship between school factors and behavior among secondary school students in Selangor. This quantitative study employed a survey method, involving a total of 400 school students aged 14 and 16 from eight secondary schools in the state of Selangor. A single questionnaire that linking several scales was utilized, in which measurements of school factors involved (Inventory of Parents and Peer Attachment (IPPA), Questions of Teacher's Interaction (QTI), School Self-Review Tools (SSRT), and Multidimensional Scale of Perceived Social Support Zimet). Self-concept dimension was measured using Self-Concept Individual Protective Factors Index meanwhile internalizing and externalizing behaviours using ASEBA School-Age Youth Self Report (YSR). Mediator analysis shows that self-concept is a mediator on the relationship between school factor and internalizing and externalizing behaviour; self-concept as a mediator on the relationship between anxiety and school factor, self-concept as a mediator on the relationship between withdrawal and all subscales of school factor, self-concept as a mediator on the relationship between aggressive behaviour and school factors, self-concept as a mediator on the relationship between rule-breaking behaviour and school factor. Specifically, positive self-concept can be applied to students who lack confidence and are neglected by their families, peers and teachers.

ABSTRAK - Masalah sosial dalam kalangan pelajar merupakan salah satu masalah disiplin yang semakin ketara. Elemen konsep diri wajar difahami dengan lebih mendalam lagi untuk mengelakkan masalah ini menular kelak. Kajian ini bertujuan untuk menentukan kesan konsep diri sebagai mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan kepada 400 orang pelajar sekolah berumur 14 dan 16 tahun dari lapan buah sekolah menengah di negeri Selangor. Soal selidik berkenaan faktor sekolah yang merangkumi budaya dan iklim sekolah melibatkan (Inventory of Parents and Peer Attachment (IPPA), Questions of Teacher's Interaction (QTI), School Self-Review Tools (SSRT), dan Multidimensional Scale of Perceived Social Support Zimet). Pengukuran konsep diri menggunakan Self-Concept Individual Protective Factors Index dan tingkah laku menggunakan ASEBA School-Age Youth Self Report (YSR). Analisis mediator menunjukkan konsep diri menjadi mediator ke atas hubungan antara keseimbangan dengan faktor sekolah, konsep diri menjadi mediator ke atas hubungan antara menarik diri dengan kesemua sub-skala faktor sekolah, konsep diri menjadi mediator ke atas hubungan antara tingkah laku agresif dengan faktor sekolah, konsep diri menjadi mediator ke atas hubungan antara tingkah laku melanggar peraturan dengan faktor sekolah. Implikasi kajian ini mendedahkan konsep diri positif dapat diterapkan kepada pelajar yang kurang berkeyakinan dan diabaikan samada oleh keluarga, rakan sebaya mahupun guru-guru.

ARTICLE HISTORY

Received : 08th Dec. 2023
 Revised : 24th Jan. 2024
 Accepted : 22nd Mar.. 2024
 Published : 13th May 2024

KEYWORDS

Self-concept
 Attitude
 School environment
 Internalizing behaviour
 Externalizing behaviour

KATA KUNCI

Konsep diri
 Sikap
 Persekitaran sekolah
 Tingkah laku dalaman
 Tingkah laku luaran

PENDAHULUAN

Antara masalah sosial yang seringkali dipertanyakan dalam masyarakat seperti penzinaan, pembuangan bayi, khalwat, rogol dan penyalahgunaan dadah (Hasbullah et al., 2020). Penglibatan pelajar dalam tingkah laku bermasalah ini didapati berpunca daripada beberapa faktor dalaman dan luaran. Antara faktor dalaman tersebut adalah sikap diri sendiri dan latar belakang keluarga (Yohanes, 2017), manakala faktor luaran seperti pengaruh rakan, media massa dan persekitaran (Kuzik et al., 2022) dikenalpasti mempengaruhi penglibatan pelajar. Masalah tingkah laku dalaman dan luaran mutakhir ini dalam kalangan pelajar adalah akibat daripada kegagalan institusi keluarga yang berfungsi dengan baik. Kajian oleh Cruwys et al., (2022) menunjukkan bahawa faktor keluarga seperti perhubungan ibu bapa dan pelajar memainkan peranan penting dalam meningkatkan atau mengurangkan masalah tingkah laku. Beberapa penyelidikan yang telah dijalankan di Amerika Syarikat mengesahkan bahawa terdapat hubungan antara perhubungan ibubapa dengan aktiviti salah laku dalam kalangan pelajar (Cruwys et al., 2022) dan perpaduan keluarga yang rendah serta konflik ibu bapa dengan anak (Yildirim dan Arslan, 2022). Tambahan pula, sosialisasi rakan sebaya juga merupakan faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku. Sehubungan itu, pengaruh rakan sebaya telah terbukti mempunyai pengaruh yang besar terhadap kecenderungan tingkah laku pelajar secara positif atau negatif. Sebagai contoh, kajian lepas telah menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya adalah berkaitan dengan tingkah laku ponteng (Arslan dan Allen, 2022). Berpandukan beberapa kajian, bukti mengenai proses sosialisasi telah ditemui apabila merujuk kepada pengaruh langsung kumpulan rakan sebaya yang menyimpang terhadap tingkah laku antisosial pelajar (Cruwys et al., 2022; Furlong et al., 2021).

Faktor sekolah yang menekankan tentang budaya dan iklim sekolah merupakan antara unsur penting dalam menentukan kejayaan sesebuah sekolah. Kedua-dua konsep ini penting dalam meningkatkan prestasi dan tingkah laku pelajar. Para pengkaji barat mendapati bahawa usaha pembaharuan iklim sekolah mungkin akan gagal jika ia tidak dikaitkan secara mendalam dengan budaya sekolah (Hausen et al., 2023). Walaupun terdapat kajian yang menyatakan konsep budaya dan iklim sekolah adalah merupakan dua konsep yang berbeza, namun, kedua-dua konsep ini mempunyai perkaitan antara satu sama lain serta terdapat ciri-ciri yang sama (Wahab et al., 2021). Konsep budaya sekolah merujuk kepada kaedah guru dan kakitangan sekolah bekerja dengan memiliki set kepercayaan, nilai, dan anggapan yang dikongsi bersama dalam mempamerkan identiti sekolah dan menentukan piawaiannya untuk membentuk tingkah laku pelajar (Muhammadi et al., 2015). Berpandukan (Furlong et al., 2021) budaya sekolah merujuk kepada sebuah sistem sosial yang mengandungi budaya tersendiri merentasi norma institusi, struktur sosial, matlamat dan tujuan.

Di Malaysia, pelajar di bawah umur 18 tahun turut melakukan pelbagai aktiviti jenayah seperti rogol, pencabulan, liwat, rompakan, vandalisme, pembunuhan dan sebagainya. Pada tahun 2020 penglibatan pelajar yang berumur 16 hingga 17 tahun dalam aktiviti jenayah sangat meluas dalam beberapa kes seperti jenayah harta benda, dadah, jenayah berkaitan manusia, kesalahan lalu lintas, senjata/bahan api, akta kesalahan kecil, dan judi. Penglibatan kes pelajar yang paling tinggi dicatatkan dalam kes jenayah berkaitan harta benda, dadah, dan kesalahan lalu lintas. Majoriti pelajar yang terlibat dalam pelbagai kesalahan tersebut adalah pelajar lelaki iaitu sebanyak 1,483 individu. Manakala pelajar perempuan pula adalah sebanyak 112 individu. Jika dilihat pada statistik ini, pelajar lelaki berpotensi untuk terus terlibat dalam pelbagai kesalahan jenayah kelak sekiranya tiada intervensi atau penyelidikan lanjutan untuk mengekang penularan tingkah laku jenayah ini. Secara keseluruhannya terdapat 1,595 pelajar yang terlibat dalam pelbagai jenis kesalahan pada tahun 2020. Sudah tentu keadaan ini sangat membimbangkan ibu bapa, masyarakat, dan pihak sekolah. Jadual 1 di bawah menunjukkan kes baru pesalah muda (pelajar) mengikut jenis kesalahan dan jantina pada tahun 2020.

Jadual 1. Kes baru pesalah muda (pelajar) mengikut jenis kesalahan dan jantina pada tahun 2020

Jenis Kesalahan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Jenayah harta benda	261	24	285
Dadah	338	37	375
Jenayah berkaitan manusia	70	3	73
Kesalahan lalu lintas	563	1	564
Senjata/bahan api	19	0	19
Akta kesalahan kecil	5	3	8
Berjudi	8	6	14
Lain-Lain	219	38	257
Jumlah	1,483	112	1,595

* Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020

TINJUAN LITERATUR

Kajian ini mengenal pasti konsep sendiri sebagai pengantara atau mediator. Merujuk Yıldırım dan Arslan (2022) konsep sendiri dalam kalangan pelajar adalah dinamik iaitu dipengaruhi oleh interaksi sosial dengan rakan sebaya serta orang dewasa. Selain itu, Arslan dan Allen (2020) menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif antara komunikasi ibu bapa dan anak-anak dengan konsep sendiri pelajar. Tambahan pula, hubungan keluarga dan rakan sebaya berperanan penting dalam pembangunan konsep sendiri pelajar yang kekurangan sokongan ibu bapa dan dielakkan oleh rakan sebaya

menyumbang kepada konsep sendiri yang rendah dan akibatnya timbul masalah emosi dan tingkah laku negatif (Asanjarani dan Arslan, 2021). Kajian lepas juga mendapati kualiti hubungan ibu bapa dengan pelajar dikaitkan secara positif dengan harga diri pelajar (Verissimo et al., 2020), yang bertukar kepada tingkah laku agresif (Arslan, 2021).

Konsep sendiri terdiri daripada pelbagai dimensi. Hapsari et al, (2023) menyatakan bahawa konsep sendiri terdiri daripada dua konstruk yang berkaitan. Pertama, konsep sendiri merupakan penilaian terhadap keupayaan diri dalam melaksanakan pelbagai tugas tertentu dan kedua sebagai penilaian rasa percaya kepada diri dalam melengkapkan segala tugas yang diberikan. Franken dan Murriss (2005) mengatakan bahawa, konsep sendiri merujuk kepada tingkah laku yang bermotivasi dan menjadi tunjang kepada tingkah laku seseorang. Konsep sendiri boleh dirujuk sebagai suatu sistem yang kompleks dan tersusun mengenai apa yang dipelajari, sikap, dan juga pendapat individu terhadap kewujudan diri mereka dalam dunia ini. Ini adalah kerana individu yang mempunyai konsep sendiri yang positif merupakan individu yang jelas mengenai pemikirannya serta kelebihan dan kekurangan diri mereka dalam melakukan sesuatu. Individu akan membangunkan sendiri mereka melalui proses yang dibina berdasarkan interaksi individu dengan situasi persekitarannya dan bukannya wujud secara semula jadi. Hal ini jelas dinyatakan oleh Franken dan Murriss (2005) iaitu terdapat sesuatu yang terkandung dalam tingkah laku manusia yang membuatkan konsep sendiri individu itu berubah. Perubahan diri bukan bergantung pada diri individu sahaja malahan bergantung juga pada bagaimana proses refleksi itu berlaku dan melalui proses refleksi inilah membuatkan individu melahirkan tingkah laku baru yang penuh semangat dan menjadi kuat untuk membangunkan konsep sendiri tersebut.

Selain itu, iklim sekolah berperanan penting selari dengan konsep budaya sekolah. Menurut Schneider et al, (2022) iklim sekolah yang sesuai dapat mempertingkatkan pencapaian akademik dan tingkah laku luaran dan dalaman pelajar. Sebagai contoh, persekitaran sekolah seperti kebersihan sangat mempengaruhi pelajar. Selain itu, interaksi sosial semasa guru dan pelajar perlu sentiasa harmoni. Hal ini boleh menyumbang ke arah kemerosotan prestasi pelajar, masalah ponteng, dan disiplin pelajar yang sukar untuk dibendung kesan daripada iklim dan persekitaran sekolah yang negatif.

Oleh hal yang demikian, wajarlah kajian ini mendalami elemen faktor sekolah, konsep sendiri, serta tingkah laku yang mempunyai perkaitan dengan masalah sosial dalam kalangan pelajar sekolah. Apabila menyentuh tentang faktor persekitaran yang menyumbang kepada masalah sosial dalam kalangan pelajar, konsep budaya dan iklim sekolah wajar untuk difahami dengan lebih mendalam lagi. Di dalam kajian ini, faktor sekolah yang merangkumi budaya dan iklim sekolah merujuk kepada hubungan antara pelajar dengan pelajar, hubungan antara guru dengan pelajar, persekitaran sekolah, dan sokongan sosial di sekolah. Budaya dan iklim sekolah yang positif merangkumi semangat sekolah yang jitu serta mempunyai konsep sendiri yang positif dalam kalangan pelajar (Wahab et al., 2021).

Tanpa budaya dan iklim sekolah yang positif maka akan berlakunya pengasingan sosial khususnya dalam kalangan pelajar seperti penyisihan rakan-rakan, pergolakan emosi, dan sebagainya (Arslan, 2021). Konstruk dikaitkan dengan perasaan subjektif atau persepsi ditolak dan diabaikan oleh orang lain, khususnya rakan sebaya dan guru, di sekolah. Pelajar yang diasingkan secara sosial tidak merasa sebagai sebahagian daripada kumpulan sosial, dan mereka tidak dapat menganggap diri mereka sebagai orang yang penting dan berharga dalam komuniti sekolah. Individu yang diasingkan secara sosial adalah sebagai contoh, lebih berkemungkinan mengalami kesunyian, kemurungan, kebimbangan, dan harga diri yang rendah (Wang et. al., 2022; Arslan, 2021). Walaubagaimanapun, terdapat kajian tempatan yang terhad dalam mengaitkan faktor sekolah, konsep sendiri, serta tingkah laku dalam kalangan pelajar di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara faktor sekolah, konsep sendiri, serta tingkah laku dalam kalangan pelajar khususnya di negeri Selangor.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di Negeri Selangor di mana negeri ini mempunyai bilangan sekolah menengah yang tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 278 buah. Populasi kajian adalah dalam kalangan pelajar secara umum dan tidak dikhususkan hanya terhadap pelajar bermasalah yang berumur 14 dan 16 tahun sahaja. Pemilihan sampel menggunakan teknik persampelan kelompok pelbagai-peringkat yang melibatkan pembahagian populasi kepada beberapa kelompok dan memilih secara rawak bilangan kelompok yang ditentukan. Responden yang terlibat (*inclusion criteria*) adalah semua pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat daripada sekolah harian yang terpilih, manakala responden yang tidak terlibat (*exclusion criteria*) adalah pelajar bukan dari tingkatan dua dan tingkatan empat daripada sekolah harian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang terpilih. Jumlah lapan buah sekolah ini ditentukan berdasarkan jumlah populasi keseluruhan kajian iaitu 400 pelajar berasaskan kaedah yang digunakan oleh Krejcie dan Morgan.

Jadual 2. Sub-skala faktor sekolah yang mempunyai hubungan signifikan dengan sub-skala tingkah laku

Sub-skala tingkah laku	Nilai r
Kebimbangan	
hubungan antara pelajar - pelajar dengan kebimbangan	-.145**
hubungan antara guru - pelajar dengan kebimbangan	-.152**
persekitaran sekolah dengan kebimbangan	-.155**

Jadual 2. (cont.)

Sub-skala tingkah laku	Nilai r
Menarik diri	
hubungan antara pelajar - pelajar dengan menarik diri	-.191**
hubungan antara guru - pelajar dengan menarik diri	-.153**
persekitaran sekolah dengan menarik diri	-.160**
sokongan sosial dengan menarik diri	-.126*
Masalah Somatik	
Tiada hubungan yang signifikan	-
Tingkah laku agresif	
hubungan antara guru - pelajar dengan tingkah laku agresif	-.202**
persekitaran sekolah dengan tingkah laku agresif	-.157**
Melanggar peraturan	
hubungan antara pelajar - pelajar dengan melanggar peraturan	-.146**
hubungan antara guru - pelajar dengan melanggar peraturan	-.113*
persekitaran sekolah dengan melanggar peraturan	-.112*

* = $p < 0.05$, ** = $p < 0.01$, *** = $p < 0.001$

Jadual 2 menunjukkan terdapat 12 model ujian kesan mediator dalam kajian ini dimana untuk sub-skala kebimbangan tiga model, untuk sub-skala menarik diri terdapat 4 model, untuk tingkah laku agresif terdapat dua model dan untuk sub-skala melanggar peraturan terdapat tiga model. Untuk sub-skala somatik tidak ada model yang diuji kerana tiada sebarang hubungan yang signifikan antara somatik dengan kesemua sub-skala tingkah laku.

Ujian kesan konsep sendiri sebagai mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan kebimbangan (3 model) – H_{a1}

Model 1

H_{a1a} : Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara pelajar dengan kebimbangan


Jadual 3 menunjukkan bahawa melalui analisis regresi, laluan dari hubungan antara pelajar dikaitkan secara positif dengan konsep sendiri ($\beta = .280$, $p < .000$), manakala dari regresi kedua, konsep sendiri berkorelasi negatif dengan kebimbangan ($\beta = -.168$, $p = .001$) dan kemudian, untuk kesan langsung hubungan antara pelajar dengan kebimbangan sekali laluan dikaitkan secara negatif ($\beta = -.145$, $p = .004$).

Jadual 3. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara pelajar dengan kebimbangan

Pemboleh ubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	B	SE	β	t	p
Kebimbangan	Hubungan pelajar-pelajar	-.060	.021	-.145	-2.912	.004**
Konsep Kendiri	Hubungan pelajar-pelajar	.146	.025	.280	5.797	.000***
Kebimbangan	Hubungan pelajar-pelajar	-.040	.021	-.098	-1.909	.057
	Konsep Kendiri	-.133	.040	-.168	-3.286	.001**

* B = unstandardized coefficient, β = standardized coefficient, * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$

Keputusan menunjukkan bahawa laluan lengkap dari hubungan antara pelajar (pemboleh ubah bebas) kepada konsep sendiri (mediator) kepada kebimbangan (pemboleh ubah bersandar) adalah tidak signifikan ($\beta = -.098$, $p = .057$). Keputusan menjelaskan bahawa konsep sendiri tidak menjadi mediator ke atas hubungan antara pelajar-pelajar dengan kebimbangan. Oleh itu hipotesis H_{a1a} adalah ditolak.



Rajah 1. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara pelajar dengan kebimbangan

Model 2


H_{alb}: Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara guru - pelajar dengan kebimbangan.

Keputusan (Jadual 4) menunjukkan bahawa melalui analisis regresi, laluan dari hubungan guru dan pelajar dikaitkan secara positif dengan konsep sendiri ($\beta = .337$, $p = .000$), manakala dari regresi kedua, konsep sendiri berkorelasi negatif dengan kebimbangan ($\beta = -.162$, $p = .002$) dan kemudian, untuk kesan langsung hubungan guru dan pelajar dengan kebimbangan sekali laluan dikaitkan secara negatif ($\beta = -.152$, $p = .002$). Keputusan menunjukkan bahawa laluan lengkap dari hubungan guru dan pelajar (pemboleh ubah bebas) kepada konsep sendiri (mediator) kepada kebimbangan (pemboleh ubah bersandar) adalah tidak signifikan ($\beta = -.097$, $p = .063$). Keputusan menjelaskan bahawa konsep sendiri tidak menjadi mediator ke atas hubungan guru-pelajar dengan kebimbangan. Oleh itu hipotesis H_{alb} adalah ditolak.

Jadual 4. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara guru-pelajar dengan kebimbangan

Pemboleh ubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	B	SE	<i>B</i>	<i>t</i>	<i>p</i>
Kebimbangan	Hubungan Guru – pelajar	-.054	.018	-.152	-3.065	.002**
Konsep Kendiri	Hubungan Guru – pelajar	.150	.021	.337	7.122	.000***
Kebimbangan	Hubungan Guru – pelajar	-.034	.018	-.097	-1.868	.063
	Konsep Kendiri	-.129	.041	-.162	-3.118	.002**

* *B* = unstandardized coefficient, β = standardized coefficient, * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$



Rajah 2. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara guru-pelajar dengan kebimbangan

Model 3


H_{alc}: Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan kebimbangan

Jadual 5 menunjukkan keputusan analisis regresi iaitu laluan dari persekitaran sekolah dikaitkan secara positif dengan konsep sendiri ($\beta = .331$, $p = .000$), manakala dari regresi kedua, konsep sendiri berkorelasi negatif dengan kebimbangan ($\beta = -.162$, $p = .002$) dan, kesan langsung persekitaran sekolah dengan kebimbangan sekali laluan dikaitkan secara negatif ($\beta = -.155$, $p = .002$). Keputusan menunjukkan bahawa laluan lengkap dari persekitaran sekolah (pemboleh ubah bebas) kepada konsep sendiri (mediator) kepada kebimbangan (pemboleh ubah bersandar) adalah signifikan ($\beta = -.101$, $p = .052$). Keputusan menunjukkan konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan kebimbangan. Oleh itu hipotesis H_{alc} adalah diterima. Kenyataan ini telah dikuatkan oleh kajian Muhammadi et al, (2015) iaitu apabila guru dan kakitangan sekolah bekerja dengan memiliki kepercayaan, nilai, dan anggapan yang dikongsi bersama dalam mempamerkan identiti sekolah seterusnya berupaya membentuk tingkah laku pelajar yang positif.

Jadual 5. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan persekitaran sekolah dengan kebimbangan

Pembolehubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	B	SE	<i>B</i>	<i>t</i>	<i>p</i>
Kebimbangan	Persekitaran sekolah	-.077	.025	-.155	-3.124	.002**
Konsep Kendiri	Persekitaran sekolah	.207	.030	.331	6.997	.000***
Kebimbangan	Persekitaran sekolah	-.050	.026	-.101	-1.950	.052
	Konsep Kendiri	-.128	.041	-.162	-3.112	.002**

* *B* = unstandardized coefficient, β = standardized coefficient, * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$



Rajah 3: Konsep kendiri menjadi mediator hubungan antara persekitaran sekolah dengan kebimbangan

Ujian kesan konsep kendiri sebagai mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan menarik diri (4 model) - H_{a2}

Model 4


H_{a2a} : Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara hubungan pelajar-pelajar dengan menarik diri

Keputusan Jadual 6 menunjukkan bahawa melalui analisis regresi, laluan dari hubungan antara pelajar dikaitkan secara positif dengan konsep kendiri ($\beta = .280, p = .000$), manakala dari regresi kedua, konsep kendiri berkorelasi negatif dengan menarik diri ($\beta = -.110, p = .033$) dan kemudian, untuk kesan langsung hubungan antara pelajar-pelajar dengan menarik diri pekali laluan dikaitkan secara negatif ($\beta = -.191, p = .000$). Keputusan menunjukkan bahawa laluan lengkap dari hubungan antara pelajar-pelajar (pemboleh ubah bebas) kepada konsep kendiri (mediator) kepada menarik diri (pemboleh ubah bersandar) adalah signifikan ($\beta = -.101, p = .033$). Keputusan menjelaskan bahawa konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara pelajar dengan menarik diri. Oleh itu hipotesis H_{a2a} adalah diterima.

Jadual 6. Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan pelajar-pelajar dengan menarik diri

Pemboleh ubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	B	SE	β	t	p
Menarik diri	Hubungan pelajar-pelajar	-.047	.012	-.191	-3.871	.000***
Konsep Kendiri	Hubungan pelajar-pelajar	.146	.025	.280	5.797	.000***
Menarik diri	Hubungan pelajar-pelajar	-.040	.013	-.160	-3.134	.002**
	Konsep Kendiri	-.052	.024	-.110	-2.140	.033

* B = unstandardized coefficient, β = standardized coefficient, * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$



Rajah 4. Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan pelajar-pelajar dengan menarik diri

Model 5


H_{a2b} : Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara hubungan guru-pelajar dengan menarik diri

Keputusan (Jadual 7) menunjukkan bahawa melalui analisis regresi, laluan dari hubungan guru dan pelajar dikaitkan secara positif dengan konsep kendiri ($\beta = .337, p = .000$), manakala dari regresi kedua, konsep kendiri berkorelasi negatif dengan menarik diri ($\beta = -.117, p = .027$) dan kemudian, untuk kesan langsung hubungan guru - pelajar dengan menarik diri pekali laluan dikaitkan secara negatif ($\beta = -.114, p = .031$). Keputusan menunjukkan bahawa laluan lengkap dari hubungan guru - pelajar (pemboleh ubah bebas) kepada konsep kendiri (mediator) kepada menarik diri (pemboleh ubah bersandar) adalah signifikan ($\beta = -.114, p = .031$). Keputusan menjelaskan bahawa konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan guru dan pelajar dengan menarik diri. Oleh itu hipotesis H_{a2b} adalah diterima. Menurut Yıldırım dan Arslan (2022) konsep kendiri merupakan konstruk utama yang dipengaruhi oleh interaksi sosial dengan rakan sebaya serta orang dewasa seterusnya mengelakkan terjerumus dalam tingkah laku dalaman atau luaran.

Jadual 7. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan guru-pelajar dengan menarik diri

Pemboleh ubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	B	SE	β	<i>t</i>	<i>p</i>
Menarik diri	Hubungan guru –pelajar	-.032	.011	-.153	-3.080	.002**
Konsep Kendiri	Hubungan guru –pelajar	.150	.021	.337	7.122	.000***
Menarik diri	Hubungan guru –pelajar	-.024	.011	-.114	-2.166	.031*
	Konsep Kendiri	-.055	.025	-.117	-2.226	.027*

* *B* = unstandardized coefficient, β = standardized coefficient, * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$



Rajah 5. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara guru-pelajar dengan menarik diri.

Model 6


H_{a2c} : Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan menarik diri

Keputusan Jadual 8 menunjukkan bahawa melalui analisis regresi, laluan dari persekitaran sekolah dikaitkan secara positif dengan konsep sendiri ($\beta = .331$, $p = .000$), manakala dari regresi kedua, konsep sendiri berkorelasi negatif dengan menarik diri ($\beta = -.114$, $p = .029$) dan kemudian, untuk kesan langsung persekitaran sekolah dengan menarik diri pekali laluan dikaitkan secara negatif ($\beta = -.160$, $p = .001$). Keputusan menunjukkan bahawa laluan lengkap dari persekitaran sekolah (pemboleh ubah bebas) kepada konsep sendiri (mediator) kepada menarik diri (pemboleh ubah bersandar) adalah signifikan ($\beta = -.122$, $p = .020$). Keputusan menjelaskan bahawa konsep sendiri menjadi mediator ke atas persekitaran sekolah dengan menarik diri. Oleh itu hipotesis H_{a2c} adalah diterima.

Jadual 8. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan persekitaran sekolah dengan menarik diri

Pemboleh ubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	B	SE	β	<i>t</i>	<i>p</i>
Menarik diri	Persekitaran sekolah	-.047	.015	-.160	-3.227	.001**
Konsep Kendiri	Persekitaran sekolah	.207	.030	.331	6.997	.000***
Menarik diri	Persekitaran sekolah	-.036	.015	-.122	-2.334	.020*
	Konsep Kendiri	-.054	.025	-.114	-2.193	.029*

* *B* = unstandardized coefficient, β = standardized coefficient, * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$



Rajah 6. Konsep sendiri sebagai mediator terhadap hubungan antara persekitaran sekolah dan menarik diri

Model 7

H_{a2d} : Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara sokongan sosial dengan menarik diri


Data dalam Jadual 9 menunjukkan bahawa melalui analisis regresi, laluan dari sokongan sosial dikaitkan secara positif dengan konsep sendiri ($\beta = .208$, $p = .000$), manakala dari regresi kedua, konsep sendiri berkorelasi negatif dengan menarik diri ($\beta = -.134$, $p = .008$) dan kemudian, untuk kesan langsung sokongan sosial dengan menarik diri pekali laluan

dikaitkan secara negatif ($\beta = -.126, p=.011$). Keputusan menunjukkan bahawa laluan lengkap dari sokongan sosial (pemboleh ubah bebas) kepada konsep sendiri (mediator) kepada menarik diri (pemboleh ubah bersandar) adalah signifikan ($\beta = -.098, p = .052$). Keputusan menjelaskan bahawa konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara sokongan sosial dengan menarik diri. Oleh itu hipotesis H_{a2d} adalah diterima.

Jadual 9. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara sokongan sosial dengan menarik diri

Pemboleh ubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	B	SE	β	t	p
Menarik diri	Sokongan sosial	-.050	.020	-.126	-2.542	.011 *
Konsep Kendiri	Sokongan sosial	.175	.041	.208	4.235	.000***
Menarik diri	Sokongan sosial	-.039	.020	-.098	-1.952	.052
	Konsep Kendiri	-.064	.024	-.134	-2.663	.008**

* B = unstandardized coefficient, β = standardized coefficient, * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$



Rajah 7. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara sokongan sosial dengan menarik diri

Ujian kesan konsep sendiri sebagai mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku agresif (2 model) – H_{a3}

Model 8

H_{a3a} : Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara hubungan guru-pelajar dengan tingkah laku agresif.


Jadual 10 menunjukkan bahawa pekali jalan dari hubungan guru dan pelajar mempunyai perkaitan secara positif dengan konsep sendiri ($\beta = .337, p = .000$), sementara konsep sendiri mempunyai perkaitan negatif dengan tingkah laku agresif ($\beta = -.181, p = .000$), dan untuk kesan langsung hubungan guru dengan pelajar terhadap tingkah laku agresif pekali jalan adalah ($\beta = -.202, p = .000$). Hasilnya menunjukkan bahawa jalan lengkap dari hubungan guru dengan pelajar (pemboleh ubah bebas) ke konsep sendiri (mediator) kepada tingkah laku agresif (pemboleh ubah bersandar) adalah signifikan ($\beta = -.141, p = .007$).

Jadual 10. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara hubungan guru-pelajar dengan tingkah laku agresif

Pemboleh ubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	B	SE	β	t	p
Tingkah laku agresif	Hubungan guru-pelajar	-.077	.019	-.202	-4.101	.000***
Konsep Kendiri	Hubungan guru-pelajar	.150	.021	.337	7.122	.000***
Tingkah laku agresif	Hubungan guru-pelajar	-.054	.020	-.141	-2.732	.007**
	Konsep Kendiri	-.155	.044	-.181	-3.522	.000***

* B = unstandardized coefficient, β = standardized coefficient, * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$

Oleh itu, hasil kajian mendapati, konsep sendiri menjadi mediator yang baik antara pemboleh ubah bebas iaitu hubungan guru dan pelajar dengan pemboleh ubah bersandar iaitu tingkah laku agresif seperti yang dipaparkan di rajah 3.12. Justeru, hipotesis H_{a3a} adalah diterima. Menurut Eggen (2004), peranan guru amat penting dalam perkembangan semua aspek khasnya dalam membina konsep sendiri yang positif dan negatif dalam diri pelajar. Penyataan ini jelas dapat dibuktikan melalui hasil kajian yang dijalankan di mana konsep sendiri selaku mediator dapat memberi kesan hubungan guru dan pelajar terhadap tingkah laku agresif pelajar.



Rajah 8. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara hubungan guru-pelajar dengan tingkah laku agresif

Model 9


H_{a3b} : Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku agresif.

Jadual 11 menunjukkan bahawa melalui analisis regresi, laluan dari persekitaran sekolah dikaitkan secara positif dengan konsep sendiri ($\beta = .331, p = .000$), manakala dari regresi kedua, konsep sendiri berkorelasi negatif dengan tingkah laku agresif ($\beta = -.198, p = .000$) dan kemudian, untuk kesan langsung persekitaran sekolah dengan tingkah laku agresif pekali laluan dikaitkan secara negatif ($\beta = -.157, p = .002$). Keputusan menunjukkan bahawa laluan lengkap dari persekitaran sekolah (pemboleh ubah bebas) kepada konsep sendiri (mediator) kepada tingkah laku agresif (pemboleh ubah bersandar) adalah tidak signifikan ($\beta = -.092, p = .075$). Keputusan menjelaskan bahawa konsep sendiri tidak menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku agresif. Oleh itu hipotesis H_{a3b} adalah ditolak.

Jadual 11. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku agresif

Pembolehubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	B	SE	β	<i>t</i>	<i>p</i>
Tingkah laku agresif	Persekitaran sekolah	-.084	.026	-.157	-3.181	.002**
Konsep Kendiri	Persekitaran sekolah	.207	.030	.331	6.997	.000***
Tingkah laku agresif	Persekitaran sekolah	-.049	.027	-.092	-1.783	.075
	Konsep Kendiri	-.169	.044	-.198	-3.840	.000***

* *B* = unstandardized coefficient, β = standardized coefficient, * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$



Rajah 9. Konsep sendiri sebagai mediator terhadap hubungan antara persekitaran sekolah dan tingkah laku agresif

Ujian kesan konsep sendiri sebagai mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan (3 model) - H_{a4}

Model 10


H_{a4a} : Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara hubungan pelajar - pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan.

Keputusan Jadual 12 menunjukkan bahawa melalui analisis regresi, laluan dari hubungan antara pelajar dikaitkan secara positif dengan konsep sendiri ($\beta = .280, p = .000$), manakala dari regresi kedua, konsep sendiri berkorelasi negatif dengan tingkah laku melanggar peraturan ($\beta = -.151, p = .003$) dan kemudian, untuk kesan langsung hubungan antara pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan pekali laluan dikaitkan secara negatif ($\beta = -.146, p = .004$). Keputusan menunjukkan bahawa laluan lengkap dari hubungan antara pelajar (pemboleh ubah bebas) kepada konsep sendiri (mediator) kepada tingkah laku melanggar peraturan (pemboleh ubah bersandar) adalah signifikan ($\beta = -.104, p = .044$). Keputusan menjelaskan bahawa konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara pelajar-pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan. Oleh itu hipotesis H_{a4a} adalah diterima.

Jadual 12. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara hubungan pelajar-pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan

Pembolehubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	B	SE	β	<i>t</i>	<i>p</i>
Melanggar peraturan	Hubungan pelajar-pelajar	-.034	.012	-.146	-2.930	.004**
Konsep Kendiri	Hubungan pelajar-pelajar	.146	.025	.280	5.797	.000***
Melanggar peraturan	Hubungan pelajar-pelajar	-.024	.012	-.104	-2.016	.044*
	Konsep Kendiri	-.067	.023	-.151	-2.942	.003**

* *B* = unstandardized coefficient, β = standardized coefficient, * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$



Rajah 10. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan

Model 11


H_{a4b}: Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara hubungan guru - pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan.

Keputusan (Jadual 13) menunjukkan bahawa melalui analisis regresi, laluan dari hubungan guru dan pelajar dikaitkan secara positif dengan konsep sendiri ($\beta = .337$, $p = .000$), manakala dari regresi kedua, konsep sendiri berkorelasi negatif dengan tingkah laku melanggar peraturan ($\beta = -.157$, $p = .003$) dan kemudian, untuk kesan langsung hubungan guru dan pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan, pekali laluan dikaitkan secara negatif ($\beta = -.113$, $p = .024$). Keputusan menunjukkan bahawa laluan lengkap dari hubungan guru dan pelajar (pemboleh ubah bebas) kepada konsep sendiri (mediator) kepada tingkah laku melanggar peraturan (pemboleh ubah bersandar) adalah tidak signifikan ($\beta = -.060$, $p = .254$). Keputusan menjelaskan bahawa konsep sendiri tidak menjadi mediator ke atas hubungan guru-pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan. Oleh itu hipotesis H_{a4b} adalah ditolak.

Jadual 13. Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan guru-pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan

Pembolehubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	B	SE	β	<i>t</i>	<i>p</i>
Melanggar peraturan	Hungan guru-pelajar	-.022	.010	-.113	-2.265	.024
Konsep Kendiri	Hungan guru-pelajar	.150	.021	.337	7.122	.000
Melanggar peraturan	Hungan guru-pelajar	-.012	.010	-.060	-1.143	.254
	Konsep Kendiri	-.070	.023	-.157	-3.004	.003

* *B* = unstandardized coefficient, β = standardized coefficient, * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$



Rajah 11. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara guru dan pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan

Model 12


H_{a4c}: Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan.

Keputusan Jadual 14 menunjukkan bahawa melalui analisis regresi, laluan dari persekitaran sekolah dikaitkan secara positif dengan konsep sendiri ($\beta = .331, p = .000$), manakala dari regresi kedua, konsep sendiri berkorelasi negatif dengan tingkah laku melanggar peraturan ($\beta = -.158, p = .003$) dan kemudian, untuk kesan langsung persekitaran sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan, pekali laluan dikaitkan secara negatif ($\beta = -.112, p = .025$). Keputusan menunjukkan bahawa laluan lengkap dari persekitaran sekolah (pemboleh ubah bebas) kepada konsep sendiri (mediator) kepada tingkah laku melanggar peraturan (pemboleh ubah bersandar) adalah signifikan ($\beta = -.158, p = .003$). Keputusan menjelaskan bahawa konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan. Oleh itu hipotesis H_{a4c} adalah diterima. Kenyataan ini bertepatan dengan kajian oleh Wahab et al., (2021) iaitu budaya dan iklim sekolah positif merangkumi semangat sekolah yang jitu serta mempunyai konsep sendiri yang positif dalam kalangan pelajar.

Jadual 14. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan

Pemboleh ubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	B	SE	β	<i>t</i>	<i>p</i>
Melanggar peraturan	Persekitaran sekolah	-.031	.014	-.112	-2.245	.025*
Konsep Kendiri	Persekitaran sekolah	.207	.030	.331	6.997	.000***
Melanggar peraturan	Persekitaran sekolah	-.017	.015	-.060	-1.139	.255
	Konsep Kendiri	-.070	.023	-.158	-3.023	.003**

* *B* = unstandardized coefficient, β = standardized coefficient, * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$



Rajah 12. Konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan

KESIMPULAN

Kajian ini dilaksanakan untuk menentukan kesan konsep sendiri sebagai mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. Hasil kajian mendapati bahawa konsep sendiri menjadi mediator kesan hubungan antara persekitaran sekolah dengan kebimbangan kerana ia mempunyai hubungan yang signifikan bagi laluan lengkap antara persekitaran sekolah kepada konsep sendiri terhadap kebimbangan. Seterusnya, dapatan kajian mendapati bahawa konsep sendiri menjadi mediator kesan hubungan antara hubungan antara pelajar, hubungan guru dan pelajar, persekitaran sekolah, dan sokongan sosial dengan menarik diri kerana laluan lengkap bagi kesemua pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan kepada konsep sendiri dan seterusnya terhadap menarik diri. Selain itu, konsep sendiri turut menjadi mediator bagi kesan hubungan antara pelajar terhadap tingkah laku agresif kerana ia mempunyai hubungan yang signifikan bagi laluan lengkap hubungan antara pelajar kepada konsep sendiri dan terhadap tingkah laku agresif.

Kajian seterusnya adalah menunjukkan bahawa konsep sendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara pelajar dan persekitaran sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan kerana mempunyai hubungan secara signifikan bagi laluan lengkap kedua-dua pemboleh ubah bebas kepada konsep sendiri dan terhadap tingkah laku melanggar peraturan. Cadangan penambahbaikan kajian akan datang turut dinyatakan. Sampel kajian ini hanya terhad kepada pelajar sekolah menengah berusia 14 dan 16 tahun di negeri Selangor sahaja dan dapatan ini tidak boleh digeneralisasikan di luar populasi ini. Oleh itu kajian pada masa akan datang seharusnya menggunakan saiz sampel yang lebih besar terhadap komuniti pelajar di seluruh negara. Oleh kerana kajian ini menggunakan rekabentuk korelasi keratan rentas secara tinjauan, cadangan kajian akan datang seharusnya menjalankan kajian longitudinal untuk menjelaskan corak dan kesan jangka panjang penglibatan responden dalam mengatasi masalah tingkah laku luaran dan dalaman dari usia muda ke dewasa. Berpanduan kajian Arce, Seijo, Farina, dan Mohamed-Mohand (2010) reka bentuk dalam kajian longitudinal mereka

menyatakan bahawa evolusi tingkah laku luaran dan dalaman adalah peristiwa semula jadi yang berlaku terhadap pelajar dari sudut sosial.

KONFLIK KECENDERUNGAN

Maksud dan tujuan kajian tidak mempunyai kecenderungan negatif kepada mana-mana pihak sama ada terlibat secara langsung atau sebaliknya.

RUJUKAN

- Arce, R., Seijo, D., Fariña, F., dan Mohamed-Mohand, L. (2010). Antisocial behavior in minors: Social risk and natural trajectory of development. *Mexican Journal of Psychology*, 27(2), 127-142.
- Arsilan, G. (2021). School belongingness, well-being, and mental health among adolescents: Exploring the role of loneliness. *Australian Journal of Psychology*, 73(1), 70-80.
- Arsilan, G., dan Allen, K. A. (2022). Exploring the association between coronavirus stress, meaning in life, psychological flexibility, and subjective well-being. *Psychology, Health dan Medicine*, 27(4), 803-814.
- Asanjarani, F., dan Arslan, G. (2021). Measuring the emotional and behavioral problems among Iranian students: A psychometric study. *Journal of Education for Students Placed at Risk*, 26(4), 302-315.
- Berk, R. A. (2009). Multimedia teaching with video clips: TV, movies, YouTube, and mtvU in the college classroom. *International Journal of Technology in Teaching dan Learning*, 5(1).
- Brookover, W. B., dan Lezotte, L. W. (1979). Changes in school characteristics coincident with changes in student achievement. Occasional paper no. 17. East Lansing, Mich. : Institute for Research on Teaching, Michigan State University.
- Cruwys, T., Fong, P., Evans, O., Batterham, P., dan Cleave, A. L. (2022). Boosting neighborhood identification to benefit wellbeing: Evidence from diverse community samples. *Journal of Environmental Psychology*, 81, 101816.
- Franken, I. H., dan Muris, P. (2005). Individual differences in decision-making. *Personality and Individual Differences*, 39(5), 991-998.
- Furlong, M., et al. (2021). Covid-19 and families with parental mental illness: crisis and opportunity. *Frontiers in Psychiatry*, 12, 567447
- Hasbullah, N. N., Sulaiman, Z., dan Mas'od, A. (2020). The effect of perceived value on sustainable fashion consumption in the era of COVID-19: A proposed conceptual framework. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 1, 895-906.
- Hausen, J. E., Möller, J., Greiff, S., dan Niepel, C. (2023). Morningness and state academic self-concept in students: Do Early birds experience themselves as more competent in daily school life? *Contemporary Educational Psychology*, 102199.
- Hapsari, H. I., Huang, M. C., dan Kanita, M. W. (2023). Evaluating self-concept measurements in adolescents: A Systematic Review. *Children*, 10(2), 399.
- Kuzik, N., et al. (2022). School-related sedentary behaviors and indicators of health and well-being among children and youth: A systematic review. *International Journal of Behavioral Nutrition and Physical Activity*, 19(1), 1-32.
- Linnenbrink, E. A., dan Pintrich, P. R. (2002). Motivation as an enabler for academic success. *School psychology Review*, 31(3), 313-327.
- Marsh, H. W. (1989). Age and sex effects in multiple dimensions of self-concept: Preadolescence to early adulthood. *Journal of educational Psychology*, 81(3), 417.
- Muhammadi, N., Marzuki, S. C. B. H., dan Hussin, M. (2015). The madrasah leadership, teacher performance and learning culture to improve quality at Madrasah Tsanawiyah Negeri Jakarta of South. *Journal of Management and Sustainability*, 5, 129.
- Schneider, S., Löscher, T., Schneider, D., dan Schütz, A. (2022). How self-concept, competence, and their fit or misfit predict educational achievement, well-being, and social relationships in the school context. *Collabra: Psychology*, 8(1), 37154.
- Stipek, D. (2002). Good instruction is motivating. In Development of achievement motivation (pp. 309-332). Academic Press.
- Veríssimo, M., Moraes, M., Breda, Z., Guizi, A., dan Costa, C. (2020). Over tourism and tourism phobia: A systematic literature review. *Tourism: An International Interdisciplinary Journal*, 68(2), 156-169.
- Wahab, A., Junaedi, J., dan Azhar, M. (2021). Efektivitas pembelajaran statistika pendidikan menggunakan uji peningkatan n-gain di PGMI. *Jurnal Basicedu*, 5(2), 1039-1045.

- Yıldırım, M., dan Arslan, G. (2022). Exploring the associations between resilience, dispositional hope, preventive behaviours, subjective well-being, and psychological health among adults during early stage of COVID-19. *Current Psychology*, 41(8), 5712-5722.
- Yohanes, T. (2017). Assessment of isoniazid preventive therapy in the reduction of tuberculosis among artpatients in Arba Minch Hospital, Ethiopia. *Therapeutics and Clinical Risk Management*, 361-366.